

Surat khabar: Utusan Borneo

Hari/Tarikh: 11/12/2016

Muka surat: 1

Tajuk : UNIMAS membanggakan pada Pameran Ciptaan 2016 di Seoul

UNIMAS membanggakan pada Pameran Ciptaan 2016 di Seoul

KUCHING: Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) mengharumkan nama negara menerusi pameran penyelidikan dengan memenangi empat pingat emas, tiga perak dan satu gangsa pada Pameran Ciptaan Antarabangsa Seoul 2016 di Korea.

Naib Canselornya, Profesor Datuk Dr Mohamad Kadim Suadi berkata pencapaian itu menjadi bukti kemampuan UNIMAS dan kapasitinya dalam penglibatan di peringkat antarabangsa.

"Pencapaian ini amat baik sejajar dengan misi dan pelan strategik mengharumkan nama UNIMAS sehingga ke peringkat kebangsaan sekali gus memamerkan kekuatan UNIMAS dalam bidang penyelidikan dan pembangunan produk," katanya pada sidang media di kampus UNIMAS, Kota Samarahan

semalam.

Katanya, sembilan produk penyelidikan dan dicipta oleh makmal penyelidikan universiti itu terpilih kalangan 200 produk lain yang turut bersaing dan dinalai dalam ekspo peringkat universiti berlangsung Mei lalu.

"Terdapat banyak lagi produk yang mana pelajar dan pakar penyelidik kita mahu cipta dan reka tetapi sembilan yang terpilih ini merupakan produk-produk yang memenuhi kriteria ditetapkan.

"Malah, kita berada di Korea dan bersaing dengan lebih 600 produk yang dihantar menerusi penyertaan lebih 30 negara dari seluruh dunia.

"Ini adalah sesuatu yang harus dibanggakan kerana kita dapat pulang dengan empat emas, tiga perak dan satu gangsa selain satu

lagi dianugerahkan dengan penanugerahan sijil," jelasnya.

Katanya, pameran itu merupakan landasan berprestij untuk penyelidik mempamerkan produk ciptaan mereka dinilai serta dianalisis oleh pakar dan profesional.

Menurutnya, melangkah ke hadapan dengan lebih maju pihaknya bersemangat mencari jalan serta rakan kongsi industri untuk terus mengembang dan mempromosikan produk di pasaran.

"Justeru, kami sangat men galakkan rakan kongsi yang berhasrat melabur dan menyokong inisiatif kami dan membawakan produk kami ke luar dari makmal seterusnya memasuki pasaran yang mana ia adalah satu cabaran kepada semua universiti lain," katanya.



TERBAIK: Mohamad Kadim (lima kanan) bersama barisan penyelidik UNIMAS.